



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG
UNIT KEJURUTERAAN HUTAN**

BUKIT SEKILAU, 25200 KUANTAN
No Tel : 09 – 5132915 No Fax : 09 - 5132530



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang bertaraf **Bumiputra** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di dalam gred kategori / pengkhususan yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

| No Tawaran | Tajuk Tawaran Dan Kepala / Pecahan Kepala | Butiran-butir Lawatan Tapak (Diwajibkan) | | Tarikh Tutup |
|-----------------|--|--|--|--|
| UKH.PHG.38/2019 | KERJA-KERJA SELENGGARA DAN NAIKTARAF BANGUNAN PEJABAT SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN DI PEJABAT HUTAN DAERAH BENTONG, BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR [Gred/ Kategori : G1 / B & CE] [Pengkhususan : B04 & CE21] | Tarikh : | 10 September 2019 (Selasa) | 17 September 2019 (Selasa) 12.00 T/hari |
| | | Tempat : | Pejabat Hutan Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur | |
| | | Masa : | 2.00 petang | |
| | | 1. Sila bawa Sijil Asal dan Salinan SPKK & CIDB. 2. Penama yang ditauliahkan CIDB, PKK & SSM sahaja dibenarkan. | | |

Butir-butir mengenai tawaran ini boleh dilihat pada waktu pejabat di **Unit Kejuruteraan Hutan, Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau, 25200 Kuantan** mulai tarikh lawatan tapak sehingga tarikh tutup tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakil sah mereka sahaja yang mempunyai surat kuasa serta yang telah mengikuti taklimat projek dan lawatan tapak. Permohonan untuk pembelian dokumen tawaran hendaklah disertakan dengan **Sijil Asal Taraf Bumiputera, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta dikenakan bayaran untuk harga dokumen sebanyak **Dua Puluh Ringgit Sahaja (RM 20.00)** dalam bentuk Wang Pos atau Deraf Bank di atas nama **Pengarah Perhutanan Negeri Pahang** dan hendaklah dipalang. Dokumen tawaran hanya akan dijual mulai **10/09/2019 (Selasa)** sehingga **13/09/2019 (Jumaat)** sahaja. Permohonan untuk mendapatkan dokumen selepas tarikh tersebut tidak akan diterima.

Dokumen tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dimeterikan serta ditulis **Nombor Tawaran** dan **Tajuk Kerja** berkaitan di penjuru kiri sebelah atas sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di tempat berikut:

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI,
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG,
TINGKAT 5, KOMTUR,
BANDAR INDERA MAHKOTA,
25990 KUANTAN.**

pada atau sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup tawaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Pihak jabatan ini tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran sekalipun.